

RAHSIA AL-QURAN - DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

Ayat yang ke 46 surah "An-Nur" telah mendorong Al-Alamah Tantawi Jauhari mentafsirkannya dengan lebih lanjut dibawah tajuk "Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada bahasa, masyarakat, akhlak dan ilmu pengetahuan".

Mauduk ini telah diucapkan oleh wakil Mesir di persidangan anjuran pendeta-pendeta Barat yang pakar dalam perkara-perkara Timur yang bersidang pada penghujung bulan Ogos 1928 di Bandar Oxford, England.

Ucapan ini dengan sepenuhnya disiarkan di majalah ini dalam bilangan 13, 14, 15 dan kali ini ialah penutupnya.

KESANNYA KEPADA ILMU PENGETAHUAN

(oleh Abdullah Basmeh)

Sesiapa yang mengkaji sejarah " ilmu pengetahuan zaman sekarang" akan mendapat penjelasan bahawa Al-Quran Al-Karim ialah puncanya. Al-Quranlah yang telah membantu tamadun Islam dan tamadun Islamlah yang telah berjasa kepada dunia mencairkan ilmu pengetahuan ciptaannya sendiri selain daripada membongkar ilmu pengetahuan orang-orang yang terdahulu yang telah terpendam dan memperbaikinya. Asas yang telah dibina oleh Islam inilah yang menjadi asas ilmu pengetahuan baharu di Eropah pada hari ini.

Al-Quranlah yang telah membebaskan akal fikiran manusia dan mendesaknya mengkaji segala kejadian Tuhan dan rahsia-rahsia yang terkandung didalamnya. Ia telah menjelaskan kepada mereka bahawa walau bagaimanapun tinggi melangit pengetahuan mereka tetapi yang sebenarnya masih sepalit.

- *wama utitum minal ilmi illa qalila.*

(Tidak kamu beroleh ilmu melainkan sedikit)

Al-Quran telah memandu anak-anak Adam kepada cara-cara berfikir dan menyelidik, dijelaskannya dengan jalan kias dan bandingan:

- *wamin kulli syai'in kholakna zaujaini* - 49 Az-Zariyyat.

(tiap-tiap sesuatu itu kami jadikan berpasang-pasang)

- *waja'alna minal ma'I kulli syai'in haiy*

(dan kami jadikan tiap-tiap sesuatu yang

hidup daripada air)

- *Allahullazi khalako saba samawatin wamin al ardhi mislahunna*

12 At-Talaq.

(Allah yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi seumpamanya pula)

- *Tabarakallazi jaala fis sama'I burujan wa jaala*

fiha siraajan wakomaran muniran - 61 Al-Furqaan

(Maha berkat Allah yang menjadikan bintang-bintang di langit, dan menjadikan pelita (matahari) serta bulan yang menerangi).

- *Qal ardhha madat'naha wa'al koina fiha rawaasiya wa'ambatna*

fiha min kulli zaujin baahijin - 7, Qaaf

(Dan bumi kami jadikan terlalu luasnya dan kami letakkan gunung-gunung di atasnya, dan di atasnya juga kami tumbuhkan berbagai-bagai tumbuh-tumbuhan yang menghidu cantik)

Al-Quran telah memuliakan akal dan telah mencela dengan kerasnya akan orang-orang yang hanya menjadi pengikut, pak turut dan bertaklid buta kepada sesuatu perkara dengan tidak menimbang buruk baiknya dengan teliti:

- *Lahum qulubu la yaf'kohuna biha. Walahum ak'yuna la yubsiruna*

biha, walahum u'zunu la yashmauna biha, ulaaika kalanaam bal hum ad'hala, ulaaika humul ghafilun.

(Bagi mereka hati, tidak mahu mengambil pengertian dengannya, bagi mereka mata, tidak mahu melihat dengannya, dan bagi mereka telinga, tidak mahu mendengar dengannya, mereka tidak ubah seperti binatang-binatang ternakan bahkan lebih sesat lagi, mereka ialah orang yang lalai.)

- *Inna syarra dau'waabi indallahi sum'mum buk'mum lazi*

la yakkilun – 22, Al-Anfal

(Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melat dimuka bumi ialah yang pekak dan bisu tidak memikirkan apa-apa.)

– *Wa la takhfu ma laisa laka bihi ilmun, inna sam'aa*

walbasara wafu'ada kullu ulaaika kana anhu mas'ulaa - 36

Al-Isra'

(Jangan engkau turut apa-apa yang engkau tidak ketahui, sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati itu masing-masing akan diperkasa.)

– *qod baiyanal ayati likaumi yakkilun*

(Sesungguhnya kami telah jelaskan keterangan-keterangan bagi kaum yang berakal.)

Al-Quran ialah pintu, daripada ialah akal manusia yang telah lengkap sempurna itu keluar, setelah dia sekian lama berkeadaan seperti seorang kanak-kanak. Al-Quran telah memandunya kepada cara berfikir dan mencipta:

– *Inna fi khalkis samawati walardhi wakhtilafi*

laili wannahari laayati li ullil albab. – 190 Ali 'Imran

(Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi, dan pertelingkahan malam dan siang itu menjadi tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang berakal.)

– *Allazina yazkurunallaha qiyaman waqu'uda wa ala junubihim wayatafakharuna fi khalki samawati waardhi rabbana ma khalakhta haza batilan, subhanaka fakina azaban nar*

– 191 Ali-'Imran

(Iaitu orang-orang yang mengingati Allah ketika berdiri dan duduk dan pada masa berbaring, mereka memikirkan bagaimana kejadian langit dan bumi, sambil berkata:

Ya Tuhan kami bukanlah engkau jafikan ini dengan sia-sia,

Maha Suci engkau peliharakanlah kami daripada azab neraka.)

– *Wafi khalkikum wama yabussu min daa'batin ayatun likaumin*

yukinun – 4 Al-Jatsiyah

(Dan tentang kejadian kamu dan binatang-binatang yang berkeliaran dimuka bumi (ada mengandungi) beberapa tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berhati yakin.)

– *Wama min daa'batin fil ardhi wala thoirin yatiru*

bijanahaihi illa u'mamun amsalukum – 38 Al-An'am

(Tidak ada binatang yang melata dimuka bumi dan tidak ada burung yang terbang di langit (udara) dengan dua sayapnya melainkan adalah semuanya itu, umat yang seumpama kamu belaka.)

Segala ayat suci yang tersebut ini dan yang seumpamanya ialah yang menjadi sebab yang membebaskan akal fikiran manusia dengan sepenuhnya. Setelah orang-orang Eropah berpandu kepada apa yang telah dipaparkan oleh kitab suci al-Quran (yakni mengambil ilmu orang-orang Islam) maka menjadilah mereka suatu umat yang berkemajuan tinggi seperti yang kita saksikan pada hari ini.

Al-Quranlah yang mewujudkan dengan sebanyak-banyaknya ahli-ahli ilmu pengetahuan yang bijak pandai. Bukan sedikit yang telah termasyhur dalam undang-undang agama, ilmu hisab, ilmu kejadian tabii, ilmu falaq dan sebagainya.

Setelah alim ulama mendalami fahaman mereka dalam kandungan al-Quran maka bersimpang surutlah jalan fikiran mereka. Mana-mana yang telah menumpukan perhatian mereka tentang cara membunyikan kalimah-kalimahnyanya dan makhraj hurufnyanya dengan betul, terkenallah mereka dengan "ulama qiraat" (qari-qari), yang mengambil berat pula tentang jalan "irabnya" terkenal dengan "ulama nahu" setengahnya pula telah tertarik kepada dalil-dalil yang berdasarkan akal, maka mereka itulah "ulama kalam" yang lainnya pula mendalami ilmu tentang maksud kandungannya. Maka mereka mendapati perintah-perintahnya ada yang mengenai perkara am dan ada yang mengenai perkara khas, ada yang lepas biasa (mutlak) dan ada yang terikat, dan sebagainya. Golongan ini ialah "ulama usul"

Sepuak pula cenderung kepada cerita-cerita dan khabar berita perihal orang-orang purba kala, maka mereka ini ialah "ahli tarikh" yang lain pula tertarik kepada segala kata hikmah, kias, ibarat dan nasihat ajaran, golongan ini ialah "mubaligh-mubaligh Islam" manakala yang lainnya lagi telah menumpukan perhatian mereka kepada ayat-ayat yang mengandungi hikmah dan rahsia yang mengenai malam, siang, matahari bulan dan bintang. Golongan ini ialah ahli falaq atau "ulama al-miqat"

Daripada keterangan ini jelaslah bahawa Al-Quran yang telah diturunkan di dalam sebuah negeri yang terkenal mundurnya, kepada seorang yang terkenal “ummi” (tidak tahu membaca dan menulis), kepada suatu umat yang kebanyakannya buta huruf, maka berkat penyampaiannya telah menjadikan mereka suatu umat yang dapat mencapai setinggi-tinggi kemajuan dengan terlalu derasnya dan dapat mencipta berjenis-jenis ilmu pengetahuan dan tiap-tiap sejenis dapat dipecahkan pula kepada berkali-kali cabang cawangnya, sebagaimana yang dapat disaksikan dalam masa tamadun mereka memuncak tinggi yang telah melahirkan tamadun dunia sekarang ini.

Sehingga hari ini masih tidak putus-putusnya penyelidik-penyelidik kandungan Al-Quran Al-Karim dapat mengeluarkan daripadanya rahsia-rahsia rekaan-rekaan baru dan segala yang menjelaskan ilmu pengetahuan yang samar-samar dan yang masih gelap kedudukannya. Setengan daripada yang disebutkan ini ialah firman-Nya:

“*awalam yarallazina kafariu anna samawati walardha kaanata ratqan fajatak'nahuma*” – 30 Al-Anbiya

(Tidaklah orang-orang kafir itu mengetahui, bahawa langit dan bumi, keduanya (pada suatu masa dahulu) sedia bersatu, lalu kami regangkan keduanya – seperti keadaannya sekarang ini)

Keterangan Al-Quran ini telah diakui oleh ahli-ahli pengetahuan zaman sekarang bahawa bumi ini telah berpecah daripada falak yang mengubahkannya dengan matahari.

“*Wa alqa fil ardhi rawasiya an tamidabikum*” – An-Nahl 15

(Dia juga (Tuhan) yang telah meletakkan gunung ganang dan bukit bukau dibumi, supaya bumi itu tidak bergerak-gerak dan mengganggu kedudukan kamu)

Keterangan ini juga telah diakui oleh ahli-ahli pengetahuan bahawa jika tidaklah kerana gunung ganang nescaya bumi ini akan terbuai-buai dan karam oleh lautannya.

“*Wa jaala shamsu siraajan wa jaala siraajan wa hajan*”
(Tuhan menjadikan matahari itu suatu pelita – firman-Nya lagi: Dan kami menjadikan pelita itu (matahari) bernyala-nyala.)

Ilmu pengetahuan zaman sekarang (penyelidikan sains) telah mengakui keterangan al-Quran ini, bahawa matahari itu ialah suatu jisim yang bernyala yang memancarkan cahaya dan api daripada zatnya kepada cakrawala-cakrawala yang berhubung dengannya.

“*Ya ma'syara! jimmi wal ins tatok'tum an tanfuzu min akhtoris samawati wal ardhi fan'fuzu la tanfuzu illa bisulthon*” – 33 Ar-Rahman

(Hai sekalian jin dan manusia, jika kamu sanggup keluar (melarikan diri) daripada pihak langit dan bumi, hendaklah kamu keluar. Tetapi kamu tidak sanggup keluar melainkan dengan kekuatan.)

Keterangan ini membayangkan wujudnya ilmu penerbangan, dan bahawa manusia akan mengambil bahagian yang terpenting di dalamnya.

Kesimpulannya akallah yang dapat memahami dan mengukur rahsia yang terkandung didalam al-quran sepanjang-panjang masa yang berkurun-kurun temurunnya, dan kerana itulah Tuhan telah berfirman:

“*Sanurihum ayatina fi al-afaq wa fi anfusihim hatta yatabayyanu lahum annahu al-haq awalam yakfu birabbik innahu 'ala kulli syaiin syahid?*” 53 As-Sajadah

(Akan kami perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan kami itu pada segala ufuk (kaki langit – maksudnya pada segala tanda yang dijadikan) – dan di dalam diri mereka sendiri, sehingga teranglah bagi mereka bahawa Al-Quran adalah benar, tidaklah cukup Tuhan mu itu atas tiap-tiap sesuatu menjadi saksi?)

Kalau diselidik segala ilmu pengetahuan manusia satu persatu nescaya tidak akan mendapat daripadanya penjelasan sebagaimana penjelasan yang tersebut didalam firman-Nya: “*fi afaki wafi anfusihim*” (pada segala ufuk dan pada diri mereka sendiri).

Makin bertambah maju alam fikiran manusia, dan banyak timbul jalan-jalan penyelidikan, maka makin terserlah hakikat alam wujud ini dengan jelasnya, dan terang benderanglah segala isyarat yang telah dibayangkan oleh Al-Quran Al-Karim itu, *wallahi ghalibun ala amrihi wa lakin akhsaran naasi la yaklamun. SadaqalLah al-'Azim.*